

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Ekonomi Malaysia diunjur perlahan tanpa langkah rangsangan

Ekonomi Malaysia diunjur perlahan tanpa langkah rangsangan

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang perlahan kepada 3.5 peratus pada suku kedua tahun ini, lebih rendah daripada anggaran 5.1 peratus pada suku pertama, demikian menurut Kenanga Investment Bank Bhd.

Bank pelaburan itu dalam satu nota penyelidikan berkata, unjuran itu adalah berikutan kesan asas yang rendah, selain ekonomi kembali normal dengan ketiadaan langkah rangsangan.

Katanya, ia juga mengambil kira kesan kelembapan ekonomi global di tengah-tengah pegetatan lagi dasar monetari global untuk memerangi tekanan inflasi yang meningkat.

"Sehubungan itu, berdasarkan

ini, kami mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) untuk 2023 sebanyak 4.7 peratus, berbanding unjuran oleh kerajaan dan konsensus masing-masing pada 4.5 peratus dan 4.0 peratus.

"Namun, kami percaya risiko penurunan kepada pertumbuhan, dari segi domestik, akan terhad disebabkan oleh risiko politik yang lebih rendah dan jangkaan peningkatan dalam pelaburan.

"Ini juga disebabkan oleh hala tuju dasar yang jelas oleh Kerajaan Perpaduan bersama dengan Belanjawan 2023 yang disemak semula, yang menyaksikan kerajaan terus cenderung ke arah dasar fiskal mengembang untuk

menyokong pertumbuhan," katanya.

Menurut Kenanga Investment Bank, pertumbuhan ekonomi juga akan disokong oleh permintaan domestik yang teguh, di tengah-tengah perbelanjaan swasta yang mampan berikutan kadar pengangguran lebih rendah dijangka purata pada 3.5 peratus berbanding 3.8 peratus pada 2022.

IHP dijangka susut

Selain itu, katanya, pertumbuhan akan diperkukuh oleh langkah dasar yang menyokong, termasuk penerusan subsidi dan program pemindahan tunai untuk kumpulan B40.

Menyentuh mengenai Indeks

Harga Pengguna (IHP), bank pelaburan itu berkata, IHP utama negara dijangka menurun secara beransur-ansur secara purata kepada 3.0 peratus hingga 3.5 peratus pada suku kedua 2023 berikutan usaha kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup, pengukuhan ringgit dan kejatuhan harga komoditi.

"Selain itu, jangkaan bahawa kerajaan akan terus memberikan subsidi bahan api sepanjang tahun mungkin terus membantu mengurangkan inflasi. Bagaimanapun, potensi penyingkiran harga siling telur dan ayam pada Jun mungkin meningkatkan sedikit tekanan harga," jelasnya.

Dari segi faktor luaran, masih

ada beberapa potensi risiko yang boleh mendorong inflasi lebih tinggi, kata Kenanga Investment Bank.

"Ini termasuk kemungkinan peningkatan dalam aktiviti pelancongan, yang boleh meningkatkan permintaan dan menaikkan harga bagi barangan dan perkhidmatan dan meningkatkan ketidaktentuan geopolitik, yang boleh membawa kepada kenaikan harga komoditi dan memburukkan lagi tekanan inflasi.

"Walaupun ada risiko, jangkaan keseluruhan ialah inflasi akan terus menurun pada suku kedua 2023 dan berkemungkinan berada pada purata sekitar 2.5 peratus pada 2023," katanya.